



Good food, Good life

### **TERMA & SYARAT**

#### **A. Jadual bagi Syarat Penyertaan**

<b>1. <u>Penganjur:</u></b>	Nestlé Products Sdn. Bhd. [197901000966] ["Penganjur"].
<b>2. <u>Promosi:</u></b>	PROGRAM NANKID® OPTIPRO® BELI & TEBUS ["Promosi"].
<b>3. <u>Tempoh Promosi:</u></b>	Promosi bermula jam 00:00:00 on 01/03/2023 dan ditutup jam 23:59:59 pada 31/05/2023.
<b>4. <u>Kelayakan:</u></b>	<p>a. Promosi ini dibuka kepada semua penduduk Semenanjung Malaysia yang sah berumur 18 tahun dan ke atas pada permulaan Tempoh Promosi, dan dengan dokumen pengenalan yang sah dan beralamat rumah di Semenanjung Malaysia. Penganjur berhak untuk meminta bukti dokumen pengenalan.</p> <p>b. Promosi HANYA tersedia di kedai perubatan Cina yang mengambil bahagian dan outlet-outlet bayi ["Outlet"]. Untuk senarai lengkap Outlet, sila layari laman web: <a href="https://www.startwell.nestle.com.my/cmh-nankid-beli-dan-tebus">https://www.startwell.nestle.com.my/cmh-nankid-beli-dan-tebus</a></p>
<b>5. <u>Produk Turut Serta:</u></b>	<p>Produk yang turut serta adalah seperti yang disenaraikan di bawah ["Produk"]:</p> <p>a. NANKID® OPTIPRO® 3 [550g/600g] b. NANKID® OPTIPRO® 3 and/or NANKID® OPTIPRO® 4 [1.2/1.3kg] c. NANKID® OPTIPRO® HA 3 [800g]</p> <p><b>NOTIS PENTING:</b> Kami percaya bahawa penyusuan susu ibu adalah permulaan pemakanan yang terbaik untuk bayi dan kami menyokong sepenuhnya saranan Pertubuhan Kesihatan Sedunia untuk penyusuan susu ibu secara eksklusif untuk enam bulan pertama kehidupan diikuti dengan pengenalan makanan pelengkap berkhasiat yang mencukupi, bersama-sama dengan penyusuan susu ibu yang berterusan sehingga usia dua tahun. NANKID® OPTIPRO® 3, NANKID® OPTIPRO® 4 and NANKID® OPTIPRO® HA 3 bukan pengganti susu ibu. Kami mengesyorkan agar anda bercakap dengan profesional penjagaan kesihatan anda tentang cara memberi makan kepada anak anda dan dapatkan nasihat tentang masa untuk memperkenalkan produk ini.</p>
<b>5. <u>Kaedah Penyertaan:</u></b>	<p>a. Untuk mengambil bahagian dalam Promosi, beli mana-mana Produk seperti yang disenaraikan di bawah dalam satu resit asal daripada mana-mana Outlet semasa Tempoh Promosi ["Resit"].</p> <p>i. Resit boleh didapati dalam bentuk resit bercetak dan/atau resit bertulis dari sistem Point of Sale Outlet. Namun, setiap Resit mesti mengandungi nama</p>

- dan/atau logo Outlet di mana pembelian dibuat. Sekiranya ini tidak tertera, Resit perlu dicap dengan cap rasmi outlet di mana pembelian dibuat.
- ii. Resit mesti mengandungi nombor Resit, nama dan kuantiti Produk yang dibeli, tarikh pembelian dan jumlah pembelian ["Butiran Resit"].

- b. Promosi ini dibahagikan kepada dua [2] bahagian seperti di bawah:
- i. Untuk pendaftaran pelanggan baharu dengan pembelian kali pertama, peserta layak menebus seperti di bawah:

<b>Produk Turut Serta Yang Dibeli [dalam satu resit]</b>	<b>Kuantiti</b>	<b>Touch 'n Go eWallet</b>
NANKID® OPTIPRO® 3 [550g/600g]	1 pek/tin	RM10
NANKID® OPTIPRO® 3 [1.2kg/1.3kg] atau NANKID® OPTIPRO® 4 [1.2kg/1.3kg] atau NANKID® OPTIPRO® HA 3 [800g]	1 pek/tin	RM20
<b>Nota:</b> Terhad kepada satu [1] penebusan bagi setiap peserta sepanjang Tempoh Promosi.		

- ii. Untuk semua pelanggan dengan pembelian berikutnya dan/atau sebarang pembelian, peserta layak untuk menebus seperti di bawah:

<b>Produk Turut Serta Yang Dibeli [dalam satu resit]</b>	<b>Quantity</b>	<b>Touch 'n Go eWallet</b>
NANKID® OPTIPRO® 3 [1.2kg/1.3kg] and/or NANKID® OPTIPRO® 4 [1.2kg/1.3kg] and/or NANKID® OPTIPRO® HA 3 [800g]	Mana-mana 3 pek/tin	RM30
<b>Nota:</b> Terhad kepada empat [4] penebusan bagi setiap peserta sepanjang Tempoh Promosi.		

- c. Kaedah penyerahan Promosi adalah melalui Laman Web Promosi sahaja. Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan yang mereka inginkan tetapi **setiap Resit unik HANYA layak untuk satu [1] penyerahan penyertaan**. Penganjur berhak untuk membatalkan mana-mana penyertaan dengan Resit yang dicetak semula dan/atau Resit berulang dan/atau mengandungi lebih daripada satu [1] Resit.
- d. Penyerahan penyertaan melalui Laman Web Promosi:
- i. Imbas Kod QR yang ditunjukkan pada risalah atau lawati Laman Web Promosi di: [https://smartdata.nestle.com.my/forms/nankid-cmh/form?campaign=redemption2023\\_mar\\_may](https://smartdata.nestle.com.my/forms/nankid-cmh/form?campaign=redemption2023_mar_may)

	<ul style="list-style-type: none"> <li>ii. Lengkapkan semua butiran wajib yang diperlukan iaitu: Nama Penuh, No Kad Pengenalan, Nombor Mudah Alih [WhatsApp diaktifkan], Alamat E-mel, Alamat Rumah dan jenis Outlet pembelian ["Butiran Peribadi"] dalam Borang Web ["Borang"] yang disediakan di Laman Web Promosi.</li> <li>iii. Tangkap satu [1] gambar/imej yang <u>jelas dan boleh dibaca</u> dalam format jpeg daripada satu [1] Resit lengkap dengan Butiran Resit anda ["Imej"].</li> <li>iv. Muat naik Imej pada Borang Web dan hantar ["Penyertaan"].</li> </ul> <p>e. Penganjur akan memproses semua Penyertaan yang diterima. Penyertaan yang tidak lengkap dan Imej yang tidak jelas akan dibatalkan. Penganjur berhak untuk membatalkan mana-mana Penyertaan dengan Resit yang dicetak semula dan/atau Resit yang berulang, Imej yang mengandungi lebih daripada satu [1] Resit dan/atau Resit yang tidak mengandungi Produk turut-serta dan/atau Penyertaan yang tidak memenuhi mana-mana satu atau lebih syarat-syarat di sini.</p> <p>f. Penganjur berhak untuk meminta bukti Resit asal [salinan cetak] sebagai bukti untuk pengesahan dan penebusan hadiah. Kegagalan untuk mengemukakan salinan cetak dokumen tersebut apabila diminta akan mengakibatkan pembatalan dan pelucutan.</p> <p>g. Semua Penyertaan yang tidak memenuhi syarat yang dinyatakan di sini akan dibatalkan secara automatik oleh Penganjur.</p>
<p><b>6. <u>Tarikh Tutup Penyertaan:</u></b></p>	<p>Semua Penyertaan mesti diterima oleh Penganjur pada atau sebelum jam 23:59:59 pada 30/05/2023. Semua Penyertaan yang diterima di luar Tempoh Promosi yang berkenaan akan dibatalkan secara automatik.</p>
<p><b>7. <u>Pemenuhan Penebusan:</u></b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Pembekal Perkhidmatan Penganjur akan menghantar Kod PIN the Touch 'n Go e-wallet kepada semua Peserta yang disahkan dan berjaya melalui <b>WhatsApp daripada 6018 388 8909 [Agensi Penganjur – Omniteam Sdn Bhd]</b> ke nombor mudah alih yang diterima oleh Penganjur dalam Borang <u>dalam tempoh 21 hari</u>. Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya Peserta tidak dapat dihubungi atas apa jua sebab.</li> <li>b. Semua Kod PIN Touch 'n Go e-wallet yang tidak dituntut selepas after 31/08/2023 akan dilucutkan.</li> </ul>
<p><b>8. <u>Terma Tambahan:</u></b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Penganjur berhak mengikut budi bicara mutlaknya untuk melanjutkan jangka masa yang difikirkan perlu oleh Penganjur. Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya Peserta tidak menerima atau terdapat kelewatan penghantaran Kod PIN Touch 'n Go e-wallet kepada Peserta.</li> <li>b. Semua Peserta mesti mematuhi terma dan syarat pihak yang mengatur dan/atau menyediakan Kod PIN Touch 'n Go e-wallet dan terma dan syarat yang disertakan pada Kod PIN Touch 'n Go e-wallet jika ada.</li> </ul>

	<p>c. Pihak Penganjur mengekalkan hak untuk menggantikan Kod PIN Touch 'n Go e-wallet dengan premium yang sama nilainya, pada bila-bila masa tanpa notis terlebih dahulu. Semua Kod PIN Touch 'n Go e-wallet disediakan atas dasar "sedia ada" dan tidak boleh ditukar dengan kredit, item lain atau baucar sama ada sebahagian atau sepenuhnya.</p> <p>d. Penganjur tidak termasuk tanggungjawabnya dan semua tanggungjawab yang timbul daripada penangguhan, pembatalan, kelewatan atau perubahan atau pengubahsuaian pada Promosi atau hadiah atau disebabkan oleh keadaan lain yang tidak dijangka dan di luar kawalan Penganjur seperti campur tangan pihak pemerintah, kekacauan awam, rusuhan, perang, mogok, tindakan keganasan (termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang tindakan keganasan, permusuhan, kecemasan nasional, atau berlakunya epidemik/pandemik) dan untuk sebarang tindakan atau keingkaran oleh mana-mana pembekal atau vendor pihak ketiga.</p>
--	--

Jadual bagi Syarat Penyertaan ini mesti dibaca bersama dengan Syarat Penyertaan dan Notis Privasi yang boleh didapati di <https://www.startwell.nestle.com.my/cmh-nankid-beli-dan-tebus> secara kolektif dinamakan "**Terma dan Syarat**", yang akan mengikat semua peserta yang menyertai Promosi ini (selepas ini dirujuk sebagai "Peserta", "Anda").

## **B. Syarat-syarat Penyertaan**

### **1. Pengenalan**

- 1.1 Syarat-syarat Penyertaan ini mesti dibaca bersama dengan Jadual Syarat Penyertaan, secara kolektif dinamakan "**Terma dan Syarat**", yang akan mengikat semua Peserta (dan ibu bapa/penjaga Peserta yang sah, jika Peserta bawah umur) yang menyertai Kempen ini (selepas ini dirujuk sebagai "Peserta", "Anda"). Jika terdapat sebarang ketidakseragaman antara syarat Penyertaan ini dan Jadual Syarat Penyertaan, Jadual Syarat Penyertaan hendaklah diguna pakai. Setiap terma yang berhuruf besar jika tidak dinyatakan selainnya di dalam ini hendaklah mempunyai maksud yang ditakrifkan untuk terma sedemikian dalam Jadual Syarat Penyertaan. Terma yang ditakrifkan boleh digunakan untuk bentuk mufrad dan jamak mengikut keadaan.
- 1.2 Penganjur berhak mengikut budi bicara mutlaknyanya, tanpa memberi notis terlebih dahulu, dan tanpa menanggung sebarang liabiliti terhadap sesiapa, pada bila-bila masa mengubah Terma dan Syarat termasuk mengubah Tempoh Kempen, membuat penggantian Hadiah, membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen secara keseluruhan atau sebahagian. Sekiranya terdapat sebarang perubahan kepada Terma dan Syarat, Peserta bersetuju bahawa Penyertaan berterusan mereka dalam Kempen akan menandakan penerimaan mereka terhadap Terma dan Syarat (sebagaimana yang diubah).
- 1.3 Keputusan Penganjur mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Kempen termasuk pengadilan dan pemilihan pemenang adalah muktamad, mengikat dan tidak boleh dipertikaikan oleh semua Peserta, dan surat-menyurat atau rayuan tidak akan dilayani.

## **2. Penyertaan Kempen**

- 2.1 Dengan mengemukakan Penyertaan untuk Kempen ini, Peserta dianggap sudah memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini.
- 2.2 Semua kos dan perbelanjaan yang ditanggung dan/atau timbul daripada Penyertaan dalam Kempen, termasuk tanpa terhad kepada caj telekomunikasi, rangkaian, Khidmat Pesanan Ringkas (SMS), pos dan semua caj lain sedemikian dan perbelanjaan sendiri yang mungkin dibelanjakan oleh Peserta semasa atau berhubung dengan Kempen hendaklah ditanggung oleh Peserta.
- 2.4 Bukti penghantaran Penyertaan bukan bukti penerimaan, dan Penganjur tidak boleh dipertanggungjawabkan terhadap sebarang Penyertaan yang lewat, hilang, rosak dan/atau Penyertaan yang tidak diterima. Penganjur tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan, ketinggalan, gangguan, pemotongan, kerosakan, kelewatan, kegagalan operasi atau transmisi, kegagalan talian komunikasi, kecurian atau kemusnahan, capaian tanpa izin, atau perubahan komunikasi pengguna atau ahli, atau sebarang masalah atau gangguan teknikal terhadap sebarang rangkaian atau talian telekomunikasi, sistem komputer dalam talian, pelayan atau penyedia perkhidmatan, peralatan komputer, sistem, perisian, kegagalan e-mel atau penerimaan Penyertaan disebabkan oleh masalah teknikal atau kesesakan lalu lintas di internet.

## **3. Kelayakan A**

- 3.1 Jika umur kelayakan Peserta sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Syarat Penyertaan iaitu di bawah lapan belas (18) tahun, Peserta dikehendaki mendapatkan kebenaran bertulis (dalam bentuk yang ditetapkan oleh Penganjur), daripada ibu bapa/penjaga mereka yang sah sebelum menyertai Kempen dan mengemukakan sebarang maklumat peribadi.
- 3.2 Penganjur boleh meminta Peserta memberikan bukti kelayakan untuk menyertai Kempen termasuk tanpa had, dokumen pengenalan, dan kebenaran bertulis daripada ibu bapa/penjaga mereka yang sah dalam kes Peserta di bawah umur lapan belas (18) tahun.

## **4. Kelayakan B**

Kumpulan orang di bawah layak untuk menyertai Kempen:

- (a) Kakitangan Penganjur dan syarikat-syarikat dalam kumpulannya dan ahli keluarga terdekat mereka (suami isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik, dan suami isteri mereka); dan
- (b) Kakitangan agensi Penganjur yang ada kaitan dengan Kempen dan ahlikeluarga terdekat mereka (suami isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik, dan suami isteri mereka).

## **5. Perlucutan Kelayakan**

- 5.1 Penyertaan berikut akan disingkirkan:
  - (b) Penyertaan yang tidak jelas, tidak lengkap, berulang, salinan, tidak boleh dibaca atau tidak betul; dan/atau
  - (b) Penyertaan yang melanggar Terma dan Syarat, mana-mana undang-undang dan/atau peraturan yang berkuat kuasa.

- 5.2 Selain itu, Penganjur berhak untuk melucutkan kelayakan mana-mana Peserta yang:
- (a) menjejaskan, telah atau cuba menjejaskan perjalanan Kempen dengan pemalsuan, penipuan atau perdayaan; dan/atau
  - (b) tidak layak atau tidak dapat mengemukakan bukti kelayakan untuk menyertai Kempen apabila diminta untuk pengesahan Penganjur.
- 5.3 Sekiranya perlucutan kelayakan berlaku selepas Hadiah diberikan, Penganjur berhak untuk menuntut pemulangan Hadiah atau bayaran nilainya daripada Peserta yang lucut kelayakan.
- 6. Hadiah**
- 6.1 Penganjur, ejen, penaja dan wakilnya tidak bertanggungjawab kepada mana-mana Peserta yang gagal mengutip Hadiah menurut ketetapan Tuntutan Hadiah/Tarikh Penghantaran dalam apa keadaan sekalipun. Penganjur berhak menentukan pengurusan Hadiah yang tidak dituntut.
- 6.2 Penganjur berhak untuk menggantikan mana-mana hadiah dengan barangan yang sama nilainya pada bila-bila masa tanpa sebarang notis terlebih dahulu. Hadiah sama sekali tidak boleh dipindah milik, diserahkan, ditukar atau ditebus oleh Peserta dalam apa-apa bentuk lain atau cara lain daripada yang ditetapkan oleh Penganjur.
- 6.3 Sebarang kos tambahan yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Jadual Syarat Penyertaan berkaitan Hadiah hendaklah ditanggung oleh Pemenang.
- 6.4 Semua Hadiah mesti diambil menurut terma dan syarat Penganjur, ejennya, penaja atau pihak ketiga yang menyediakan Hadiah.
- (a) **Tiket Acara:**  
Penganjur tidak bertanggungjawab terhadap sebarang pembatalan atau penjadualan semula yang boleh menghalang penunaian Hadiah. Tiket hanya boleh digunakan pada tarikh yang dinyatakan pada tiket.
  - (b) **Hadiah Pelancongan/Percutian:**  
Jika pelancongan ditawarkan sebagai Hadiah, penerbangan dan penginapan tertakluk kepada ketersediaan pada masa tempahan. Hadiah mesti diambil menurut tarikh dan destinasi yang ditetapkan oleh Penganjur, ejennya atau penaja. Wang untuk perbelanjaan tambahan, makanan, cukai, pasport yang sah, visa, pengangkutan pergi & balik dari tempat berlepas dan perjalanan tambahan, insurans & semua kos sampingan lain yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Jadual Syarat Penyertaan adalah tanggungjawab Pemenang.
- 6.5 Hadiah diberikan berasaskan “keadaan sedia ada.” Hadiah hendaklah digunakan/diambil atas risiko Peserta sepenuhnya dan Penganjur sama sekali tidak memberi sebarang jaminan mahupun menanggung sebarang liabiliti berhubung dengan Hadiah setakat yang dibenarkan di bawah undang-undang.
- 6.6 Hadiah hendaklah dituntut sendiri melainkan Penganjur menetapkan cara lain untuk kutipan.

6.7 Jika Peserta bawah umur 18 tahun dan diisytiharkan sebagai pemenang Hadiah, Peserta mesti ditemani oleh ibu bapa/penjaga mereka yang sah sepanjang upacara penyampaian Hadiah.

## **7. Publisiti**

Penganjur boleh menggunakan Penyertaan Peserta termasuk tanpa terhad kepada gambar, lukisan, teks, dan kandungan atau maklumat lain yang dikemukakan untuk tujuan Kempen (secara kolektif dinamakan "Bahan"), dan nama Peserta, dan/atau persamaannya, untuk tujuan pengiklanan, publisiti dan Kempen mana-mana barangan atau perkhidmatan Penganjur, untuk tempoh tidak terhad di seluruh dunia tanpa pampasan, dan dalam mana-mana media. Peserta hendaklah melakukan segala perkara yang perlu untuk tujuan ini jika diminta oleh Penganjur.

## **8. Hak Milik Intelektual**

Peserta bersetuju bahawa semua hak milik intelektual dalam mana-mana kandungan dan/bahan yang dikemukakan, dibuat atau dicipta oleh Peserta berkaitan dengan Kempen dan sebarang hasil kerja terbitan yang timbul daripadanya secara kekal dan tanpa syarat akan menjadi hak, kepunyaan dan milik Penganjur. Penganjur berhak untuk menggunakan dan mengubah suai bahan atau hasil kerja sedemikian dalam apa cara sekalipun yang dianggap sesuai tanpa pampasan kepada Peserta dan Peserta menyetujui segala haknya ke atas bahan atau hasil kerja sedemikian.

## **9. Indemniti**

Setiap Peserta bersetuju untuk melindungi, melepaskan dan tidak mempertanggungjawabkan Penganjur, syarikat pegangan, anak syarikat atau syarikat berkaitannya sebagaimana ditetapkan dalam Akta Syarikat 2016 ("Kumpulan Nestlé Malaysia"), para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya daripada sebarang dan segala kerugian, hak, tuntutan, tindakan dan kerosakan (termasuk kerosakan khas, tidak langsung dan lanjutan) yang timbul daripada atau ditanggung akibat Penyertaan Peserta dalam Kempen, penerimaan dan/atau penggunaan mana-mana Hadiah, Penyertaan Peserta dan/atau persamaannya berkaitan dengan Kempen atau pelanggaran Terma dan Syarat.

## **10. Had Liabiliti**

10.1 Penyertaan Peserta dalam Kempen adalah atas risiko Peserta sendiri.

10.2 Penganjur, Kumpulan Nestlé Malaysia, para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas mana-mana Peserta berhubung dengan sebarang kehilangan atau kerosakan dan sebagainya yang dialami, termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan secara tidak langsung atau berbangkit, atau bagi kecederaan diri yang dialami atau ditanggung oleh Peserta yang timbul daripada atau berkaitan dengan Penyertaan Peserta dalam Kempen, dan juga penebusan dan/atau penggunaan mana-mana Hadiah yang dimenangi.

## **11. Am**

11.1 Penganjur, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk menunaikan mana-mana kewajipan mereka berhubung dengan Kempen dan Terma dan

Syarat jika mereka tidak dapat berbuat demikian disebabkan keadaan di luar kawalan mereka dan dalam keadaan sedemikian mereka tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk membayar pampasan kepada Peserta dalam apa cara sekalipun.

- 11.2 Sebarang nama, tanda perdagangan atau logo yang digunakan dan/atau diterbitkan semula dalam mana-mana bahan (termasuk bahan pemasaran dan Kempen) berhubung dengan Kempen, khususnya yang berkaitan Hadiah, adalah hak milik pemilik masing-masing. Kempen ini dan Penganjur tidak mempunyai pertalian dengan, atau mendapat pengesahan atau tajaan daripada, pemilik berkenaan, melainkan dinyatakan sebaliknya, dan pemilik sedemikian bukan sebahagian daripada syarikat kumpulan Penganjur.
- 11.3 Peserta tidak berhak untuk menyerah mana-mana hak atau subkontrak mana-mana the kewajiban yang terkandung di sini. Penganjur berhak untuk menyerahkan atau melesenkan seluruh atau mana-mana bahagian haknya kepada mana-mana pihak ketiga sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Penganjur.
- 11.4 Ketaksahan, tindakan yang menyalhi undang-undang atau kegagalan pengutkuasaan mana-mana terma tidak akan menjejaskan atau mempengaruhi kesinambungan pelaksanaan Terma dan Syarat Kempen yang selainnya.
- 11.5 Di mana Terma dan Syarat Kempen disediakan dalam bahasa Inggeris dan bahasan lain, sekiranya terdapat sebarang ketidakseragaman antara bahasa Inggeris dan bahasa lain, versi bahasa Inggeris hendaklah diguna pakai dan dikuatkuasakan dalam semua hal.
- 11.6 Terma dan Syarat Peraduan hendaklah diertikan, ditadbir dan ditafsirkan (menurut undang-undang Malaysia).

## **12. Notis Privasi**

- 12.1 Dengan menyertai Kempen, Peserta bersetuju dengan pemprosesan Data Peribadi Peserta oleh Penganjur berdasarkan Notis Privasi di [https://www.nestle.com.my/info/privacy\\_policy/privacy\\_bm](https://www.nestle.com.my/info/privacy_policy/privacy_bm).
- 12.2 By participating in the Campaign, the Participant agrees to the processing of the Participant's Personal Data by the Organizer in accordance with the Privacy Notice in [https://www.nestle.com.my/info/privacy\\_notice](https://www.nestle.com.my/info/privacy_notice).